



سمبورتن هاري بليا كبغسان كالي ك-٢٠١٧، ١٢

بليا برداي او سها دان برلينوفاسي
منجايakan واؤسن نكارا

SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-12, 2017

Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi
Menjayakan Wawasan Negara

Hari Selasa
8 Zulkaedah 1438H / 1 Ogos 2017

Dewan Plenary
Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas
Negara Brunei Darussalam

سمبونت هاري بليا ك بشاءن كاليك - ٢٠١٧، ١٢

بليا برداي او سها دان برلينوفاسي
منجحاياكن واوسن نكارا



SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-12, 2017

Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi
Menjayakan Wawasan Negara

Dewan Plenary
Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas
Negara Brunei Darussalam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI MAJLIS SAMBUTAN
HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11 TAHUN 2016
PADA HARI KHAMIS
03 SAFAR 1438 BERSAMAAN 03 NOVEMBER 2016
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala
kerana dapat lagi bersama-sama hadir di dalam perhimpunan
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 tahun 2016 ini.

Beta sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia kepada
semua para belia di negara ini.

Tema sambutan: "**Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi**" adalah membawa seribu harapan. Para belia patut menyambutnya sebagai cabaran. Kerana transformasi di sini bermaksud satu cetusan perubahan yang dinantikan. Ia tidak menunggu lama-lama melainkan terbuka untuk semua, terutama bagi para belia selaku agen kepada perubahan itu.

Satu tanda belia cepat berubah, apabila mendapat ramai di kalangan mereka, walaupun dalam usia masih muda, telah mencapai kejayaan-kejayaan sangat bermakna dalam pelbagai bidang, seperti kedoktoran, guaman, kejuruteraan, keugamaan, keusahawanan dan lain-lain.

Kejayaan-kejayaan yang diperolehi ini adalah alat untuk para belia berkecimpung mencorakkan masa depan negara.

Belia seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berwawasan lagi cemerlang. Negara adalah bersungguh-sungguh mengimpikan mereka. Tanpa mereka, negara akan kehilangan tonggak atau pasaknya.

Tidak ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah. Mereka berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar, jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah.

Semua apa yang dirancang dan dibuat adalah cabaran belaka. Ia memerlukan kerja keras dan pengorbanan. Pengorbanan itu bukan setakat wang ringgit dan tenaga, tetapi turut lebih penting ialah berkorban dengan masa. Kalau kita menggunakan masa di jalan kebajikan, itulah satu pengorbanan paling berkesan, dengan kita mengawal diri dari menggunakaninya secara sia-sia.

Jika ini dijadikan amalan, bererti kitalah orang yang pandai atau bijak memilih, di mana landasan yang betul dan selamat. Sebab itu, kerana tingginya harga masa itu, Allah sendiri sampai bersumpah dengan masa, bahawa semua manusia di dalam kerugian, kecuali mereka yang mengisi masa dengan amal-amal kebajikan. Demikian menurut Al-Qur'an, Surah Al-'Asr.

Di sinilah cabaran untuk semua, dalam perkara menggunakan masa. Jika silap menggunakaninya, bererti kita menjerumuskan diri ke dalam satu krisis kehidupan, dan krisis ini, mesti segera diatasi.

Para belia mempunyai banyak masa dan peluang untuk terus berkembang. Tinggal saja lagi terpulang kepada mereka, sama ada mahu merebutnya ataupun tidak.

Adapun memanfa'atkan masa dengan sewajarnya adalah pilihan orang-orang bijaksana. Beta berharap, para belia kita hendaklah termasuk antara mereka.

Era hari ini menyediakan ruang lingkup yang cukup luas untuk dilalui, sehingga tiada lagi sempadan dapat membatasinya.

Ini kadang-kadang, boleh mengelirukan orang untuk melakukan apa saja yang disukai tanpa boleh disekat-sekat lagi. Lalu wujudlah golongan yang sangat-sangat mendewakan kebebasan tanpa batasan dan sekali gus membawa muncul budaya baru, tidak menghiraukan lagi adat tradisi dan ugama.

Pada biasanya, golongan seperti ini adalah lebih didominasi oleh kaum belia di mana-mana saja.

Beta berharap, para belia kita tidaklah akan sampai terjebak kepada konsep bebas seperti ini, tetapi akan tetap kekal sebagai belia-belia yang menta'ati ugama dan menghormati undang-undang serta tradisi bangsa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



KATA ALU-ALUAN

سُمِّ اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمَرْسَلِينَ سَيِّدُ الْمُحَمَّدِ وَعَلَىٰ مَا
وَصَّبَهُ أَحَمَّعُينَ



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'alā kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juu Negara Brunei Darussalam dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan buat Kali Ke-12 pada hari Selasa, 1 Ogos 2017 bertepatan dengan tarikh ianya diistiharkan.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, tahun 2017 menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan manifestasi atau petanda keprihatinan mendalam Baginda terhadap agenda pembangunan belia.

"Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara" adalah tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada kali ini. Tema ini adalah peringatan berterusan kepada belia betapa perjalanan walau jauh dan berliku perlu dilalui dengan tabah, waspada dan terarah untuk menghampiri Wawasan Negara 2035 yang mendambakan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Tema ini "ambitious" menuntut belia merencana perancangan dan program yang berkesan terhadap Wawasan yang berpandangan jauh kehadapan itu. Belia diajak mengambilkira kemajuan sejagat yang pesat, perubahan yang cepat berlaku dan persaingan yang semakin hebat dari tekanan globalisasi dalam melakar peranannya selaku kumpulan sasaran yang berkepentingan untuk menjayakan Wawasan Negara 2035.

"Berdaya usaha dan berinovasi" menyeru belia membiasakan sikap berdikari untuk maju. Ia menanamkan sikap untuk cekal dan berusaha untuk menyara sendiri kehidupan tanpa leka dengan bantuan dan ehsan keluarga. Ini antara lain pra syarat belia di dalam memajukan negara untuk keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran berterusan dan berkekalan.

Format Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini mengekalkan aturcara teras dan mengetengahkan belia dengan pencapaiananya dalam menghulurkan tangan kepada orang lain atau kesukarelaan menerusi perhimpunan ramah mesra belia. Perhimpunan lautan belia ini, memperlihatkan kelibat belia bertanggungjawab secara sosial yang merupakan nilai murni yang patut ada dalam diri belia sebagai ahli masyarakat yang progresif, berdaya tahan dan berdaya maju.

Semoga Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini akan dapat menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada generasi belia di negara ini khususnya dan masyarakat amnya agar kita dapat sama-sama berganding bahu di dalam merealisasikan aspirasi Raja yang berdaulat dan kita kasih, Bangsa, Ugama dan Negara yang tercinta.

**PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD. YUSSOF**

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Selaku

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, 2017



IKRAR BELIA

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Bersyukur
Ke Hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara
Mendukung Kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan Kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
Dan Undang-Undang,
Berakhhlak Mulia Dan Terpuji

PEMBACA UTAMA IKRAR BELIA:

Yang Mulia Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pg Hj Marjuki berusia 30 tahun telah banyak meraih pencapaian dalam bidang keugamaan. Antara pencapaian beliau ialah menjadi Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa 2017 dan 2016, Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan 6 tahun berturut-turut dari 2012 hingga 2017, dan Naib Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Antara Universiti ASEAN 2007. Beliau ketika ini bertugas sebagai Pegawai di Agensi Pelaburan Brunei.

PENGIRING PERTAMA:

Yang Mulia Awang Hj Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit merupakan Penolong Pensyarah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Beliau ketika ini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Isu Tamadun Islam & Kontemporari. Beliau yang berusia 30 tahun aktif dalam membuat ceramah dan motivasi khas di kementerian, jabatan dan institusi pengajian tinggi serta majlis-majlis kebesaran Islam.

PENGIRING KEDUA:

Yang Mulia Dayang Nurizzahtul Izzah Binti Haji Abdul Rahman berusia 27 tahun merupakan Pegawai Perancang Bandar dan Desa. Beliau sangat aktif dalam kegiatan belia terutama di bawah Persatuan Kemajuan Insan (KESAN). Antara pencapaian yang pernah diraih ialah menerima Anugerah The ASEAN Youth Award 2017 di Jakarta, Indonesia dan Anugerah Belia Berkhidmat sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2016.

LIRIK LAGU TEMA

BELIA BERDAYA USAHA DAN BERINOVASI MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

Kurang dua dekad ke hadapan
Kita akan mencapai wawasan
Berpendidikan dan berkemahiran
Berjaya menghadapi cabaran

Berusaha dan berkeyakinan
Mengharungi pelbagai rintangan
Kami belia maju ke hadapan
Membangun Darussalam
yang gemilang

Berdaya Usaha
Berinovasi
Berjaya terus Berjaya
Anjakan paradigma
Wahai teman belia
Wawasan Negara milik kita

Seruan Negara yang tercinta
Belia harapan nusa dan bangsa
Bersatu padu menanai agenda
Pembangunan bangsa dan Negara

Komposer
Mohd Abu Sofian bin Haji Mohd Alinoordin

Lirik
MAHADI

ATURCARA

- 08.00 pagi** - Para Jemputan hadir
- 08.30 pagi** - Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara
- 09.00 pagi** - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Serta Kerabat Diraja
- Lagu Kebangsaan
 - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan
 - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Ikrar Belia
 - Tayangan Video dan Persembahan Koir
 - Pengumuman Penerima Anugerah
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Penyampaian Anugerah
 - Lagu Kebangsaan

ATURCARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia di Dewan Persidangan Utama
- Santap / Jamuan Ringan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis Bersurai

HURAIAN TEMA

BELIA BERDAYA USAHA DAN BERINOVASI MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12, 2017 adalah satu pengiktirafan negara terhadap peranan generasi belia untuk sama-sama berganding bahu dan bersatu padu dalam mencapai dan menjayakan

Wawasan Brunei 2035. Anjakan paradigma para belia perlu dalam mereka memahami dan menghayati bahawa kejayaan wawasan negara akan tercapai dengan penglibatan aktif golongan belia selaku generasi penerus dan pewaris di dalam semua agenda pembangunan negara.

'**Berdaya Usaha dan Berinovasi**' membawa pengertian meningkatkan lagi daya usaha untuk melakukan perkara-perkara besar dalam segenap bidang sama ada sosial, ekonomi, budaya dan sebagainya yang berbentuk penciptaan dan perubahan. Proses implementasi dalam bentuk projek, proses, produk, perkhidmatan atau pendekatan-pendekatan yang baharu, mampu memberikan peningkatan yang signifikan dan maksima terhadap hasil dan kualiti usaha berkenaan. Berdaya usaha dan berinovasi lahir dari pengembelingan pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang seimbang dalam diri belia.

Tema 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara' adalah seruan kepada para belia, setelah diberikan satu pengiktirafan akan kepentingan mereka dalam mencapai wawasan negara. Generasi belia hendaklah terlibat secara aktif dan bersatu padu di dalam menanai agenda pembangunan negara dengan meningkatkan lagi daya usaha dalam bidang masing-masing melalui penciptaan-penciptaan ataupun pendekatan-pendekatan baharu yang berupaya memberikan penyelesaian yang terbaik terhadap apa jua cabaran yang dihadapi.




TROFI ANUGERAH SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN



PERLAMBANGAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang digunakan mulai tahun 2016 merupakan arca moden (modern sculpture) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampar. Pangkal (base) trofi ini ialah bentuk bahtera berlayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan dan akan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan Negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Negara 2035.

Perlambangan lain reka bentuk trofi ini termasuk;



ب - بليا
Y - Youth
B' - Belia'
ب - برو او سن
برجاي



Bahtera melambangkan Negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah begitu halnya dengan belia memerlukan Polisi dan Hala Tuju bagi memastikan mereka akan menyambung/memangki agenda pembangunan bangsa dan Negara.



Belia adalah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).



Abjad 6 – 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri, Pekerjaan dan Latihan, Kepimpinan, Daya Usaha, Persefahaman Antarabangsa dan Perkhidmatan Kepada Orang Lain dan Negara dengannya menjulang ketahanan dan keutuhan.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei, lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan Negara.

KATEGORI ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-12, 2017

BELIA CEMERLANG:

diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang pada utamanya mengharumkan nama negara

BELIA BERKHIDMAT:

diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara atau orang lain

PEMIMPIN MUDA BELIA:

diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang menggembling orang-orang bawahan kepada kebaikan

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA:

diberikan kepada projek yang banyak memanfaatkan belia

CALONAN-CALONAN PENERIMA ANUGERAH

BELIA CEMERLANG

1. Yang Mulia Dayang Vanessa Teo
2. Yang Mulia Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman
3. Yang Mulia Dayang Nurliyana Fatin Arifin
4. Yang Mulia Awang Irwan Rino Bin Nordin
5. Yang Mulia Dayang Hajah Karmila Binti Haji Sapar
6. Yang Mulia Dayang Ruzanna @ Qamariah Binti Zulkipli
7. Yang Mulia Dayang Annie Koh
8. Yang Mulia Awang Haji Syed Yassin Bin Haji Syed Anayatullah Shah
9. Yang Mulia Awang Haji Abdul Rudi bin Haji Abdul Rahim
10. Yang Mulia Awang Radin bin Haji Idris
11. Yang Mulia Awang Muliadi bin Awang Moksin

BELIA BERKHIDMAT

1. Yang Mulia Awang Mohammad Khairul Azmi Bin Haji Md Salleh
2. Yang Mulia Awangku Haji Ahmad Fadillah Akhbar Bin Pengiran Haji Sellahuddin
3. Yang Mulia Awang Mohamad Hazrin Bin Daud
4. Yang Mulia Dayang Siti Kailene Binti Mohd. Jazlan Kashfi
5. Yang Mulia Awang Mohammad Fahim Bin Haji Ibrahim
6. Yang Mulia Dayang Hajah Ummi Fa'izah Binti Haji Abdul Rahman
7. Yang Mulia Awang Mohamad Hasmawi Bin Ghani/A.Gani
8. Yang Mulia Dayang Nurulhuda Binti Adinin
9. Yang Mulia Dayang Nurul Hadina Binti Haji Alias
10. Yang Mulia Dayang Siti Nurul Yaziidah Binti Haji Abdul Aziz
11. Yang Mulia Dayang Nur Zirwatul Hannan Binti Md Omar
12. Yang Mulia Dayang Sarah Binti Haji Abdul Mutualif
13. Yang Mulia Dayang Anis Bazilah Binti Haji Ajamain
14. Yang Mulia Awang Muhammad Haziq Hisyam Bin Mohd Zaki
15. Yang Mulia Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri Bin Haji Damit
16. Yang Mulia Awang Mohamad Suhami Bin Awang Haji Md Daud
17. Yang Mulia Awang Irwan Rino Bin Nordin

CALONAN-CALONAN PENERIMA ANUGERAH

PEMIMPIN MUDA BELIA

1. Yang Mulia Awang Muhammad Firdaus Bin Haji Ismail
Persatuan Green Brunei
2. Yang Mulia Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim Bin Haji Hamdan
Al-Huffaz Management
3. Yang Mulia Awang Mohammad Khairul Azmi Bin Haji Md Salleh
Society For Community Outreach & Training (SCOT)
4. Yang Berhormat Awang Iswandy Bin Ahmad
Majlis Aids Negara Brunei Darussalam
5. Yang Mulia Dayang Hajah Ummi Fa'izah Binti Haji Abdul Rahman
Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong
6. Yang Mulia Awang Mohammad Aidil Firdaus Bin Awang Haji Jukin
Persatuan Kemajuan Insan [KESAN]
7. Yang Mulia Awangku Abdul Azim Bin Pengiran Yusof
KKBT Biro Pendidikan Pusat Belia BSB (Teachmeguru)
8. Yang Mulia Dayang Atikah Rumaizah Binti Dr Haji Harun
Persatuan Pembela
9. Yang Mulia Dayang Liaw Lin Ji
Biodiversity & Natural History Society (Bruwild)
10. Yang Mulia Dayang Rafizah Binti Mat Serudin
Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
11. Yang Mulia Awang Hayrul Erywan
Persatuan Motorsikal Darussalam [Pemoda]

CALONAN-CALONAN PENERIMA ANUGERAH

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

1. Projek Bina Ukhwah Home Betterment Programme (Hobpro)
2. Projek Bina Ukhwah Family Empowerment And Economic Development (Bufeed)
3. Projek Ikhlas
4. www.alhuffaz.com (Platform Pembelajaran Al-Quran)
5. Program Belia Brunei Berbakti (3b)
6. "Re-Educate, Empower & Destigmatise" (R.E.D) Project (Projek Red - Mendidik, Memperkasa & Hapuskan Stigma)
7. Super Youth Programme (Program Belia Hebat)
8. AGROME IQ
9. Smart Learning Programme Ke Sekolah-Sekolah Menengah Senegara
10. Indahnya Berbagi
11. Indahnya Berbagi 2.0 : Ramadhan Special
12. Hiv/Aids Program For Peer And Youth (Happy)
13. Mengenali Warga Brunei
14. SCOT Education Brunei-Cambodia
15. Tekad Tour
16. Youth Cultural Movement (Pergerakan Kebudayaan Belia)
 - YCM Festival
 - YCM School Tour
17. 18th Life Skills Training [Lestari]
18. Akumanang.Com
19. Letop Lebaran
20. Brunei Chevening Youth Forum
21. Program Belia Cinta Tanah Air
22. Gerak Kerja Amal (Membina Rumah Awg Hj Tahir Bin Tuba)
23. Jelajah Hari Keputeraan 2016
24. Menanam Pokok Dan Pemeliharaan Alam Sekitar
25. Projek Pembangunan Dan Perkembangan Berbakti Kepada Bumi

TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN

Tema Sambutan penting sebagai peringatan berterusan kepada belia. Ia memberi impetus dan panduan kepada tindak-tanduk belia mengharungi masa-masa mendatang menurut syor-syor tema bagi memperlengkап diri sebagai belia yang boleh disandarkan harapan menggalas peranan membangun negara

TAHUN	TARIKH SAMBUTAN	TEMA
2010	21 Syaaban 1431 / 2 Ogos 2010 [Isnin]	Keusahawanan Pemangkin Belia Berdikari
2011	27 Syawal 1432 / 26 September 2011 [Isnin]	Belia Berkreatif dan Berinovasi
2012	20 Zulkaedah 1433 / 6 Oktober 2012 [Sabtu]	Belia Syumul Harapan Negara
2013	16 Muharram 1435 / 20 November 2013 [Rabu]	Belia Menuju Wawasan
2014	8 Zulkaedah 1435 / 3 September 2014 [Rabu]	Bersatu Menghadapi Cabarani Abad Ke-21
2015	17 Zulkaedah 1436 / 1 September 2015 [Selasa]	Belia Berwawasan Menjana Ekonomi
2016	03 Safar 1438 / 3 November 2016 [Khamis]	Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan diusulkan bermula pada sambutan tahun 2010

**IMBASAN
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah

**SEKITAR SAMBUTAN
HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016**

SEKITAR SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016



SEKITAR SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016



SEKITAR SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016



SEKITAR SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016



SEKITAR SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-11, TAHUN 2016



SEKITAR






Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat-Kerabat Diraja bersama Penerima-Penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2016

KELIBAT AKSI BELIA DALAM 6 STRATEGI DASAR BELIA NEGARA

Strategi-strategi Dasar Belia Negara dilakar untuk membentuk belia yang lengkap dari segi persediaan ilmu, mendapat mata pencarian, mengajak orang lain membuat kebaikan, berdaya cipta, berperanan di peringkat antarabangsa dan menghulurkan tangan kepada orang lain

PERKEMBANGAN DIRI



PEKERJAAN DAN LATIHAN BELIA



KEPIMPINAN



DAYA USAHA



PERSEFAHAMAN ANTARABANGSA



PERKHIDMATAN KEPADA ORANG LAIN DAN NEGARA





**JAWATANKUASA-JAWATANKUASA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI
KE-12, TAHUN 2017**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI



JAWATANKUASA TERTINGGI

PENGERUSI

Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof,
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia

Awang Haji Noor Jusmin Bin Haji Abd Samad
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila Binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TIMBALAN SETIAUSAHA

Yang Mulia

Awang Haji Amer Hamzah Bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PENOLONG SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia

Awang Haji Zafri Bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan

Yang Mulia

Awang Haji Rosmadee Bin Haji Mohd Daud
Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

JAWATANKUASA TERTINGGI

AHLI-AHLI

Yang Mulia
Awang Razali bin Haji Badar
Pegawai Protokol
Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Timbalan Pengarah Gerakan
Pasukan Polis Diraja Brunei

Yang Mulia
Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Pengarah RadioTelevisyen Brunei,
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pengarah Penerangan,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pengarah Percetakan Kerajaan,
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri

JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Pengarah Sekolah-Sekolah,
Jabatan Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Pengarah Pendidikan Kokurikulum
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Pengarah Hal Ehwal Masjid
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Ketua Operasi
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia
Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Kol. [B] Pengiran Haji Zulkifli Bin Pengiran Haji Ismail
Pengarah Program Khidmat Bakti Negara
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dayang Hajah Fauziah Binti Haji Abd Hamid
Pemangku Pengarah Penyelidikan,
Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Timbalan Pengarah Pusat Sejarah
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Pemangku Pengarah Muzium-Muzium
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Prof. Madya Dr. Haji Hashim Bin Haji Abdul Hamid
Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei

Yang Mulia
Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam

KETUA URUS SETIA

Yang Mulia
Awang Haji Zafri Bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA



UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, 2017
sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja dan
semua pihak termasuk agensi Kerajaan, Pertubuhan bukan kerajaan,
orang perseorangan, swasta, serta orang ramai yang telah turut sama
dalam memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, 2017'



بلياكيرت ماس دفن كيت

Our Youth Our Future